



IKLAN JAWATAN KOSONG ZAKAT MELAKA

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia (Keutamaan Kepada Anak Negeri Melaka) untuk jawatan **PENOLONG PENGARAH TEKNOLOGI MAKLUMAT (KONTRAK)** bagi mengisi kekosongan jawatan di Zakat Melaka.

NAMA JAWATAN	:	PENOLONG PENGARAH TEKNOLOGI MAKLUMAT
GRED	:	GRED F41
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
KEKOSONGAN	:	1 ORANG

SYARAT LANTIKAN:

- 1) Warganegara Malaysia.
- 2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- 3) Mempunyai syarat kelayakan seperti berikut:
 - i. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian atau Sains Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara;
 - ii. Berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam pembangunan produk perisian dan penyelenggaraan sistem;
 - iii. Mempunyai pengetahuan tentang Pengkalan Data seperti MySQL, SQL Server dan lain-lain;
 - iv. Mempunyai pengetahuan tentang Rangka Kerja seperti Laravel, Flutter, Django dan lain-lain. Bahasa pengaturcaraan: Python, C#, JavaScript, HTML, CSS, PHP, Asp.Net.;
 - v. Mempunyai kemahiran dalam menggunakan perisian Jasper Report, reka bentuk perisian, reka bentuk pangkalan data dan reka bentuk pentadbiran rangkaian.
- 4) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 5) Gaji:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum
RM2,599.00	RM9,902.00

BIDANG TUGAS

- 1) Mengkaji, merangka dan membangunkan permohonan sistem aplikasi intranet melalui sistem kutipan serta laman sesawang.
- 2) Merancang dan melaksanakan penyelenggaraan serta pengemaskinian sistem kutipan serta laman sesawang.
- 3) Melaksanakan pelan-pelan sekuriti siber bagi melindungi sistem, aset, serta menjalankan kerja - kerja penyelenggaraan dan baik pulih kerosakan peralatan.

Hanya calon yang berkelayakan dan lulus ujian bertulis sahaja yang akan dipanggil untuk proses temuduga.

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan, adalah dianggap tidak berjaya.

Calon-calon yang berminat dikehendaki menghantar permohonan beserta data peribadi yang lengkap, gambar berukuran pasport serta nombor telefon untuk dihubungi (tidak dikembalikan) dan borang permohonan boleh diperolehi di alamat berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka
No. 1, 3 & 5, Jalan PNBB 1,
Pusat Niaga Bukit Baru,
Bandar Bukit Baru Seksyen IV,
75150 Melaka.
Tel: 06-2812441 / 2812442 / 2812443
Faks: 06-2818154

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 NOVEMBER 2022 (SELASA)